

18 OCT 2000

Abdurrahman-Berlepas

PRESIDEN INDONESIA AKHIRI LAWATAN KE MALAYSIA

LANGKAWI, 18 Okt (Bernama) -- Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid berlepas ke Hong Kong dari Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Matsirat di sini, pagi ini setelah menamatkan lawatan kerja dua hari ke negara ini.

Beliau yang diiringi oleh isterinya Ibu Sinta Nuriyah berlepas dengan pesawat khas pada kira-kira pukul 10.30 pagi ke Hong Kong dalam perjalanan ke Seoul untuk menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah yang bermula Jumaat ini.

Turut berada untuk mengucapkan selamat jalan kepada Abdurrahman ialah Timbalan Menteri Luar Dr Leo Michael Toyad.

Semasa lawatan itu, Abdurrahman mengadakan pertemuan tertutup dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara perkara yang dibincangkan semasa pertemuan itu ialah soal pendatang tanpa izin Indonesia, isu Palestin dan kerjasama dua hala ke arah mempertingkatkan lagi hubungan kedua-dua negara.

Ibu Sinta Nuriyah pula melawat Makam Mahsuri dan LangkawiiCrystaal, pengeluar utama barangan kristal negara, semalam.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meraikan kedua-dua tetamu itu serta rombongan mereka dalam satu jamuan makan malam di Hotel Sheraton Perdana, di sini, malam tadi.

Kira-kira 50 pegawai kanan kerajaan, tokoh perniagaan dan wakil media menyertai rombongan Indonesia itu.

Lawatan Abdurrahman itu adalah hasil persetujuan pemimpin kedua-dua negara untuk bertemu sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali. Dr Mahathir telah melawat Jakarta Mac lepas.

-- BERNAMA

NH PR